



1. Murid membaca hadis dengan betul
2. Daripada Anas bin Malik, katanya: Rasulullah SAW pernah bersabda: "Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada kelemahan, kemalasan, pengecut dan nyanyuk, dan aku berlindung dengan-Mu daripada fitnah kehidupan dan kematian, dan aku berlindung dengan-Mu daripada azab kubur".
3. (a) Malas
(b) Nyanyuk
4. (a) Meninggalkan sesuatu yang mampu dilakukan
(b) Meninggalkan sesuatu yang tidak mampu dilakukan
(c) Orang yang tidak berani melakukan atau menghalang sesuatu situasi
(d) Penyakit yang mengganggu kewarasan fikiran seseorang yang menyebabkannya berkelakuan seperti kanak-kanak
5. (a) Kita hendaklah rajin dalam melakukan kebaikan agar dapat memajukan diri
(b) Kita hendaklah sentiasa berdoa agar dijauahkan daripada sifat-sifat yang tidak disukai Allah
(c) Kita hendaklah berani dalam segala perkara kerana sifat ini ialah sifat wali Allah
6. Aktiviti murid

Praktis Materi 10

Bahagian B

1. (a) (i) Nyanyuk
(ii) Malas
(b) (i) Kita hendaklah berusaha menjadi seorang mukmin yang kuat kerana ianya lebih disukai oleh Allah SWT.
(ii) Kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh berubah daripada kemunduran kepada kemajuan.
- (c) مالس، صلاة، كبركتن، اكتيؤيتى



1. Amalan sedekah dalam kalangan ahli keluarga boleh dilihat melalui sikap ahli keluarga yang saling bantu-membantu seperti memberi nasihat, menegur kesalahan, membantu mengurangkan beban kesusahan berkaitan kewangan dan sebagainya. Hal ini dapat mengeratkan hubungan kasih sayang antara ahli keluarga seterusnya melahirkan keluarga yang bahagia. Kesimpulannya, amalan sedekah hendaklah sentiasa diamalkan kerana ia membawa kebaikan kepada silaturahim.
2. Berdasarkan pernyataan di atas, tangan yang di atas adalah pemberi dan tangan yang di bawah adalah penerima. Islam mengajar kita bahawa yang memberi lebih baik dari yang menerima. Bersedekah dalam Islam bukan sekadar memberi wang ringgit kepada mereka yang memerlukan tetapi membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian mahupun fizikal. Dengan bersedekah kita akan terhindar daripada api neraka dan sekali gus mampu membuka pintu rezeki.
3. Murid yang rajin seperti bersungguh-sungguh dalam mengulang kaji pembelajaran akan menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Hal ini dapat membentuk disiplin yang tinggi dalam diri murid sekali gus memudahkannya mencapai kejayaan. Kesimpulannya, murid yang rajin akan lebih mudah untuk memperoleh kejayaan dalam pelajaran berbanding murid yang tidak rajin.